

# AL-KAFI #1344: HUTANG ARWAH AYAH: PERLUKAH DILANGSAIKAN?



## Soalan

Assalamualaikum SS Dato' Seri Mufti. Ayah saya ada berhutang banyak dengan orang. Dan setahu saya roh orang yang berhutang akan tergantung sehingga dia langsaikan hutang. Dalam isu ini, bagaimana penyelesaian sedangkan saya tiada duit untuk langsaikan hutang ayah saya?

## Jawapan

Alhamdulillah, pujian dan syukur kepada Illahi dengan pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas Nabi SAW, keluarga, sahabat dan yang mengikut jejak langkahnya hingga hari kesudahan.

Dalam isu ini, kami mulakan dengan hadis Nabi SAW sepertimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

?????? ?????????????? ?????????????? ?????????????? ??????? ??????????

??????

**Maksudnya:** “*Jiwa orang yang beriman itu tergantung disebabkan hutang, sehingga dibayarkan untuknya (hutang tersebut).*”

Riwayat Ibnu Majah (2413), al-Tirmizi (1079)  
dan al-Baihaqi (6891)

Imam al-Suyuti berkata: “*Maksud hadis ini bahawa jiwa atau roh orang yang beriman akan terhalang dari kedudukannya yang mulia.*” (Lihat **Tuhfah al-Ahwazi**, 4/193 dan **Mir’at al-Mafatih**, 8/152)

Justeru, menjawab persoalan di atas, **hendaklah dilangsaikan hutang terlebih dahulu.** Adapun anak yang mampu untuk melangsaikan hutang ayahnya, maka ia termasuk dari berbakti dan berbuat baik serta ihsan kepada ibu bapanya. Sudah pasti pahalanya cukup besar. Rasulullah SAW pernah mengkiaskan isu berkenaan ibadat yang ditinggalkan oleh ibu sahabat dengan hutang yang wajib dilangsaikan seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas R.Anhuma:

? ?????? ??????? ?????? ?????????????? ??? ?????? ?????? ?????? ??????????  
??? ?????????? ?????????? ??????? ?????????? ?????????? ??????????????????  
????????? ?????????? ?????????????????????? ?????????? ?????????? ?" ? ?????? ??????  
????????? ?????????? ?????????? ?????????????? ?????????????? ?????????? ?" ? .?  
????????? ?????????? ? .? ??????? ?" ? ?????????? ?????????? ?????????? ??????  
?????????? ?" ?

**Maksudnya:** *Bahawa seorang lelaki datang kepada Nabi SAW, lalu berkata: Wahai Rasulullah, Sesungguhnya ibuku telah meninggal, dan dia mempunyai puasa (yang belum diganti) selama sebulan, apakah aku perlu tunaikan untuknya? Lalu baginda berkata: “sekiranya ibumu mempunyai hutang, apa kau akan bayar hutang untuknya?” Lelaki itu berkata: “Ya”. Maka berkata Nabi SAW: “Hutang kepada Allah lebih berhak untuk ditunaikan”*

**Riwayat Muslim (1148)**

Kami mengambil kesempatan di sini untuk menoktahkan beberapa perkara berkaitan hutang:

- Jangan berhutang kecuali amat memerlukan. Elakkan hutang menjadi hobi atau kebiasaan seperti nasihat sahabat Nabi SAW yang bernama Uqbah ibn Amir R.A, antara lain katanya: Jangan kamu berhutang sekalipun kamu terpaksa pakai kain bulu.”
- Jika perlu berhutang, maka berhutanglah pada kadar yang minimum serta dalam kadar kemampuan untuk melangsaikannya.
- Hendaklah menulis hutang yang dilakukannya berserta saksi sebagaimana irsyad daripada nas Ilahi:

Firman Allah SWT:

???? ?????????? ?????????? ?????????? ?????? ?????????????? ??????????  
????????? ?????????? ?????????????? ??????????????????

**Maksudnya:** *Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu*

(Surah al-Baqarah: 282)

Ibn Kathir menerangkan, “Ayat ini merupakan panduan daripada Allah SWT kepada hambaNya yang mukmin untuk menulis atau merekod sekiranya bermuamalah dengan cara bertanggung (berhutang). (Rujuk **Tafsir Ibn Kathir**, 1/411) Imam al-Sa’di menyatakan ayat ini mengandungi hukum yang besar dan bermanfaat dari aktiviti merekod hutang bagi mengelakkan mudharat yang lebih besar. (Rujuk **Tafsir al-Sa’di**, 1/118). Imam al-Maraghi menyebut, suruhan seperti ini lebih kepada menyuruh hambanya yang mukmin untuk menjaga hutang piutang mereka merangkumi akad pinjaman dan salam.” (Rujuk **Tafsir al-Maraghi**, 1/551)

- Hendaklah berniat dengan sungguh-sungguh untuk melangsaikannya dengan secepat mungkin. Daripada Maimunah binti al-Harith, Rasulullah SAW bersabda:

???? ?????????????? ?????????? ?????????????? ?????????? ?????? ??????????  
????????? ?????????? ?????????? ?????????????? ?????????????? ?????????? ??????????

**Maksudnya:** *“Sesiapa yang berhutang dan Allah tahu bahawa dia ingin menunai dan melangsaikannya, nescaya Allah memudahkan baginya.”*

Riwayat Ahmad (25840)

Mafhum daripada hadis ini menunjukkan kehendak untuk membayar hutang adalah diberi pertolongan oleh Allah berdasarkan niat yang baik. Bahkan dengan kehendaknya jua, kadang-kadang sekalipun berlaku halangan, tetapi tetap disampaikan oleh Allah berkenaan dengan bayaran tersebut. Dalam sebuah hadith yang masyhur, daripada Abu Hurairah R.A, daripada Rasulullah SAW bahawa beliau pernah mengisahkan:

????????? ?????????? ?????????? ?????? ?????????? ?????????????????? ??????????  
????????? ?????????? ?????????????????? ?????? ?????????????????? ?????????? ??????????????  
????????? ?????????????? ?????????????????????? ?????????????????????? ??????????????  
????????? ?????????????????? ?????????????????? ?????????? ?????????????????? ??????????????????  
????????? ?????????? ?????????????????? ?????????????????? ?????????? ?????????????????? ??????????????????

????????? ?????? ??????? ?????????? ?????????? ??? ???????????  
 ?????????? ?????????????? ??????? ?????????????? ?????????????? ???????????????  
 ??????????? ?????????????? ?????????????????? ??????????? ??????????????? ??????????  
 ?????????? ??????????????? ?????????????? ?????????????? ?????????????????? ???????????????  
 ?????????? ?????????? ?????????????? ?????????????????? ?????????? ?????????? ??????????????  
 ?????????? ?????????????? ?????????????????? ?????????? ?????????? ?????????? ??????????  
 ?????????????? ?????????????? ?????????????????? ?????????? ?????????? ??????????????  
 ?????????????? ?????? ?????????????? ?????????????? ?????? ?????????? ??????????????  
 ?????????????? ?????????????? ?????????????? ?????? ?????????? ?????????????? ??????????????  
 ?????????????????????????????????? ?????????? ?????????? ??? ?????????????????? ??????????  
 ?????????????? ?????????? ?????????? ?????????????????? ?????????? ?????? ??????????  
 ?????????????????? ?????????????? ?????????? ?????????????????? ?????????????? ?????????????????  
 ?????????????? ?????????? ?????????????? ?????????????????? ?????????????????? ??????????????  
 ?????????????? ?????????? ?????????????? ?????????????????? ?????????????????? ??????????????  
 ?????????????? ?????????? ?????????????? ?????????????????? ?????????????????? ??????????????  
 ?????????????? ?????????? ?????????????? ?????????????????? ?????????????????? ??????????????  
 ?????????????? ?????????? ?????????????? ?????????????????? ?????????????????? ??????????????  
 ?????????????????????? ?????????????????????? ?????????????????????? ?????????????????????? ?????????????????

**Maksudnya:** Bahawa terdapat seorang daripada Bani Israil yang meminjam wang seribu dinar kepada seorang Bani Israil. Orang yang meminjamkan berkata, "Datangkanlah saksi-saksi! Aku ingin mempersaksikan peminjaman ini kepada mereka." Peminjam berkata, "Cukuplah Allah sebagai saksinya." Orang yang meminjamkan berkata lagi, "Datangkanlah seorang penjamin."

Peminjam berkata, "Cukuplah Allah sebagai penjamin." Orang yang meminjamkan berkata, "Kamu benar."

Kemudian dia memberikan wang itu dalam tempoh tertentu. Kemudian orang yang meminjam wang itu pergi ke laut untuk memenuhi hajatnya. Dia pun mencari perahu untuk dinaikinya bagi menghantar wang pinjamannya yang sudah sampai tempoh pembayarannya. Namun dia tidak mendapatinya. Kemudian dia mengambil kayu dan membuat lubang padanya. Lalu dia memasukkan ke dalamnya wang sebanyak seribu dinar bersama secarik tulisan yang ditujukan kepada pemilik wang. Kemudian dia melapisinya agar tidak terkena air. Lalu dia membawa kayu tersebut ke laut.

Dia berkata, "Ya Allah, sesungguhnya Engkau mengetahui bahawa aku telah meminjam wang seribu dinar kepada si fulan. Dia meminta penjamin daripadaku, kemudian aku katakan bahawa cukuplah Allah sebagai penjamin, dan dia pun rela. Dia memintaku mendatangkan saksi, lalu aku katakan bahawa cukuplah Allah sebagai saksi, dan dia pun rela. Sesungguhnya aku telah berusaha untuk mendapatkan perahu yang akan aku gunakan untuk menghantarkan wangku kepadanya, namun aku tidak mendapatkannya. Kini, kutitipkan wang itu kepada-Mu." Kemudian dia melemparkan kayu itu hingga tenggelam. Dia pun pergi. Walaupun demikian, dia tetap berusaha mencari perahu yang menuju ke negerinya.

Orang yang meminjamkan wang pergi untuk menanti, barangkali ada perahu datang membawa piutangnya. Tiba-tiba dia menemui kayu yang berisi wang itu. Dia membawanya pulang sebagai kayu api untuk isterinya. Apabila dia membelahnya, dia menemui sejumlah wang dan secarik tulisan pesanan.

Sementara itu, si peminjam pun datang membawa seribu dinar. Dia berkata, "Demi Allah, sebelum aku datang sekarang, aku sentiasa berusaha untuk mencari perahu bagi menghantarkan wangmu kepadamu, namun aku tidak mendapat satu perahu pun sebelum aku tiba dengan menaiki perahu yang aku tumpangi ini." Orang yang meminjamkan berkata, "Apakah kamu mengirimi sesuatu kepadaku?" Peminjam berkata, "Aku telah sampaikan kepadamu bahawa aku tidak menemukan perahu, sebelum aku mendapatkannya sekarang ini?" Orang yang meminjamkan berkata, "Sesungguhnya Allah telah menghantarkan pinjamanmu yang kau letak dalam kayu. Maka gunakanlah wangmu yang seribu dinar itu dengan baik, maka bawalah kembali seribu dinarmu itu."

Riwayat al-Bukhari (2291)

- Sentiasa berdoa kepada Allah untuk dimudahkan membayar hutang. Daripada Abu Said al-Khudri RA katanya: "Rasulullah SAW telah masuki masjid. Tiba-tiba terdapat seorang sahabat bernama Abu Umamah RA sedang duduk di sana. Beliau bertanya: "Wahai Abu Umamah, kenapa aku melihat kau sedang duduk di dalam masjid sedangkan bukan luar waktu solat?" Abu Umamah menjawab: "Dukacita dan hutang menyelubungiku wahai Rasulullah!" Rasulullah menjawab: "Mahukah kamu aku ajarkan kepada kamu satu doa jika kamu membacanya Allah akan menghilangkan rasa dukacitamu dan melangsaikan hutangmu." Abu Umamah menjawab: "Sudah tentu, wahai Rasulullah." Maka Baginda bersabda: "Ucapkanlah pada tiba waktu pada pagi

